

31/07/1997

Pembakaran hutan Sumatera punca jerebu

KUALA LUMPUR, Rabu - Asap akibat pembakaran hutan di Sumatera yang dibawa tiupan angin dari arah Tenggara, dikenal pasti sebagai punca kejadian jerebu yang melanda negara ini sejak seminggu lalu.

Menteri Sains dan Teknologi, Datuk Law Hieng Ding, berkata perkara itu disahkan berdasarkan gambar satelit kajicuaca yang diterima pihaknya hari ini.

Menurutnya, gambar satelit itu menunjukkan beberapa kawasan kebakaran di Sumatera dipercayai dilakukan oleh syarikat pembalakan dan perladangan serta aktiviti pertanian pindah.

"Maklumat daripada gambar satelit itu adalah bersamaan dengan laporan awal yang kita terima sebelum ini. Ia juga sudah disahkan Pusat Kajicuaca Khas Asean di Singapura," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Kabinet hari ini.

Agensi berita asing semalam melaporkan Menteri Alam Sekitar Indonesia, Sarwono Kusumaatmadja, menasihatkan syarikat pembalakan dan perladangan menghentikan pembakaran hutan di Borneo dan Sumatera.

Menurutnya, Singapura, Malaysia dan Brunei mengadu bahawa asap daripada pembakaran hutan itu menyebabkan pesawat yang terbang ke negara terbabit terpaksa ditangguhkan atau diubah arah penerbangan.

Akhbar Jakarta Post semalam memetik Sarwono sebagai berkata 30 juta meter padu kawasan balak Indonesia musnah dalam kebakaran setiap tahun yang membabitkan kerugian sekurang-kurangnya RM249.6 bilion.

Law berkata, pada mesyuarat Kabinet hari ini, beliau meminta supaya masalah jerebu hasil pembakaran hutan itu dibincangkan dalam mesyuarat dua hala antara Malaysia dan Indonesia pertengahan bulan depan.

"Perbincangan ini perlu bagi mencari jalan penyelesaian bersama terhadap masalah kebakaran hutan di negara itu yang menyebabkan kejadian jerebu di Malaysia," katanya.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga mencadangkan kemungkinan Malaysia menyewa pesawat pengebom air atau meminta bantuan negara yang berkepakaran bagi menghadapi sebarang kebakaran hutan di negara ini.

Mengenai kesan fenomena El Nino - iaitu peningkatan suhu permukaan kawasan tropika Lautan Pasifik yang boleh mengubah iklim kawasan lain di dunia - terhadap cuaca negara, Law berkata beliau masih belum mendapat maklumat terkini yang memastikannya.

(END)